

PEMBANGUNAN MODEL RAMALAN HARGA
MATA WANG

NURUL ATIQAH BINTI ROHAIZAR

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PEMBANGUNAN MODEL RAMALAN MATA WANG

NURUL ATIQAH BINTI ROHAIZAR

PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS DATA

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2024

PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Julai 2024

NURUL ATIQA BINTI ROHAIZAR
P117806

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana saya dapat menyiapkan kajian projek akhir ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan penghargaan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Ahmad Tarmizi di atas bimbingan dan tunjuk ajar sehingga terhasilnya kajian ini. Segala nasihat dan dorongan yang diberikan sepanjang penyeliaan adalah sangat bermakna buat saya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua tenaga pengajar terlibat bagi Program Master Sains Data di Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penaja biasiswa kerajaan iaitu Kemeterian Pengajian Tinggi yang memberi kepercayaan membiayai pengajian penuh dalam bidang ini.

Terima kasih dan penghargaan kedua-dua ibu ayah dan seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberi dorongan, sokongan dan doa yang berterusan sepanjang pengajian dalam bidang sains data ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama sedia memberi bantuan dan berkongsi idea dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih

Pusat Sumber
FTSM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan model ramalan kadar pertukaran mata wang yang berkesan menggunakan beberapa teknik pembelajaran mesin, termasuk Regresi Linear (LR), Regresi Vektor Sokongan (SVR), Regresi Penggalakan Kecerunan (GBR), Hutan Rawak (RF), dan XGBoost Regressor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti algoritma terbaik untuk ramalan mata wang, membangunkan model ramalan mata wang yang berkesan, dan membangunkan aplikasi untuk ramalan mata wang. Pengenalan menekankan kepentingan ramalan kadar pertukaran yang tepat disebabkan oleh ketidakstabilan ekonomi. Kajian kesusasteraan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kadar pertukaran dan meninjau kajian-kajian terdahulu yang menggunakan teknik pembelajaran mesin, menunjukkan potensinya untuk meningkatkan ketepatan ramalan. Metodologi kajian menerangkan reka bentuk penyelidikan, pengumpulan data, teknik pra-pemprosesan, dan pembangunan aplikasi web menggunakan Flask untuk ramalan masa nyata dan nasihat beli/jual. Keputusan kajian mengenal pasti RF dan XGBoost sebagai model yang paling berkesan, dengan nilai R^2 yang tinggi dan Ralat Kuasa Dua Min (MSE) yang rendah, dan RF dipilih sebagai model utama. Kesimpulan menekankan sumbangan kajian dalam ramalan kadar pertukaran, menyatakan keberkesanan pembelajaran mesin dan kekangan yang dihadapi, seperti ketersediaan data dan keterbatasan pengiraan. Cadangan untuk kajian masa depan termasuk menggunakan data yang lebih komprehensif, bereksperimen dengan algoritma tambahan, dan mengintegrasikan faktor ekonomi makro untuk meningkatkan ketepatan dan kekukuhan ramalan.

EXCHANGE RATE PREDICTION USING MACHINE LEARNING TECHNIQUES

ABSTRACT

This study aims to develop an effective exchange rate prediction model using several machine learning techniques, including Linear Regression (LR), Support Vector Regression (SVR), Gradient Boosting Regression (GBR), Random Forest (RF), and XGBoost Regressor. The objectives of this study are to identify the best algorithm for currency prediction, develop an effective currency prediction model, and develop an application for currency forecasting. The introduction highlights the importance of accurate exchange rate predictions due to economic volatility. The literature review discusses factors influencing exchange rates and reviews previous studies using machine learning techniques, demonstrating their potential to improve prediction accuracy. The methodology describes the research design, data collection, preprocessing techniques, and the development of a web application using Flask for real-time predictions and buy/sell advice. The results identify RF and XGBoost as the most effective models, with high R^2 values and low Mean Squared Error (MSE), and RF is chosen as the primary model. The conclusion emphasizes the study's contributions to exchange rate prediction, highlighting the effectiveness of machine learning and the limitations faced, such as data availability and computational constraints. Recommendations for future research include using more comprehensive data, experimenting with additional algorithms, and integrating macroeconomic factors to enhance prediction accuracy and robustness.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI ILUSTRASI	ix

x

BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Penyataan Masalah	2
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Persoalan Kajian	4
1.6	Skop Kajian	4
1.7	Kepentingan Kajian	4
1.8	Organisasi Tesis	5
BAB II	KAJIAN KESUSASTERAAN	
2.1	Pengenalan	7
2.2	Faktor Yang Mempengaruhi Kadar Mata Wang	8
2.3	Teknik Meramal Mata Wang	9
2.4	Kajian Lepas	10
	2.4.1 Ulasan Terperinci Kajian Lepas	14
2.5	Metrik PRESTASI	26
2.6	Pembelajaran Mesin (Algorithma)	29
	2.6.1 Algorithma Regresi Linear (RL)	29
	2.6.2 Algorithma Regresi Hutan Rawak (RF)	30
	2.6.3 Algorithma Regresi Vektor Sokongan (SVR)	31
	2.6.4 Algorithma Regresi Penggalakan Kecerunan (GBR)	32
	2.6.5 Algorithma Regresi XGBoost (XGB)	33
2.7	Kesimpulan	35

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	36
3.2	Senarai Perisian Yang Digunakan Dalam Kajian	36
3.3	Kerangka Metodologi Kajian	37
3.4	Penerangan Data	40
3.5	Pembangunan Antaramuka Pengguna	43
3.6	Kesimpulan	45
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	46
4.2	Keputusan Dapatan Ujian Pengagihan Data	46
	4.2.1 Model SVR	46
	4.2.2 Model GBR	47
	4.2.3 Model Hutan Rawak	47
	4.2.4 Model Regresi Linear	48
	4.2.5 Model XGB	48
4.3	Penghasilan Model Ramalan Mata Wang	49
4.4	Pembangunan Aplikasi Mata Wang	51
4.5	Kesimpulan	56
BAB V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	57
5.2	Rumusan Keseluruhan Kajian	57
5.3	Rumusan Objektif Kajian	58
5.4	Kekangan Kajian	59
5.5	Cadangan Perluasan Kajian	60
RUJUKAN		62

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 2.1	Ringkasan Kajian Lepas	11
Jadual 2.2	Keputusan Kajian USD / PKR	17
Jadual 3.1	Penerangan Atribut Data	40
Jadual 3.2	Penerangan Atribut Tambahan	42
Jadual 4.1	Hasil Keputusan SVR	47
Jadual 4.2	Hasil Keputusan GBR	47
Jadual 4.3	Hasil Keputusan RF	48
Jadual 4.4	Hasil Keputusan LR	48
Jadual 4.5	Hasil Keputusan XGB	49

Pusat Sumber
FTSM

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 3.1	Carta Aliran Metodologi	38
Rajah 4.1	Harga sebenar dan ramalan mata wang	50
Rajah 4.2	Log Masuk	51
Rajah 4.3	Bahasa Melayu	52
Rajah 4.4	English	52
Rajah 4.5	Papan Pemuka Admin	52
Rajah 4.6	Papan Pemuka Pengguna	52
Rajah 4.7	Papan Pemuka Kemas Kini Kadar Semasa	53
Rajah 4.8	Papan Pemuka Pemilihan Julat Data	53
Rajah 4.9	Kadar Pertukan USD / MYR	54
Rajah 4.10	Kadar Pertukan EUR / MYR	55

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan secara umum keseluruhan kajian merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian, ringkasan sumbangan kajian dan diakhiri dengan struktur kandungan bagi tesis ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Setiap negara mempunyai mata wang berbeza dan mata wang ini merujuk kepada duit rasmi negara tersebut. Nilai mata wang setiap negara itu berbeza mengikut kadar tukaran dan keadaan ekonomi negara tersebut. Hal ini kerana, ada mata wang tidak boleh digunakan untuk urusan pelaburan atau perdagangan. Kebanyakan negara yang mempunyai kes seperti ini mereka akan bergantung pada mata wang USD untuk urusan pelaburan atau perdagangan. Sebagai contoh negara Sudan mereka menggunakan USD sebagai urusan pembayaran untuk urusan-urusan luar. Mata wang mereka hanya boleh digunakan didalam negara mereka dan akibat peperangan juga menjadi salah satu punca mata wang negara itu tidak lagi dapat digunakan secara meluas.

Seterusnya, Ringgit Malaysia (RM) telah menjadi mata wang rasmi negara sejak 1967 tetapi sebenarnya telah menjadi mata wang negara sejak zaman negara dijajah lagi. Malaysia juga bergantung pada USD untuk urusan pelaburan dan perdagangan untuk merancak ekonomi negara. Bermula tahun 2023 negara telah berunding dengan beberapa buah negara seperti Indonesia , Thailand dan China untuk menjadi RM sebagai mata wang bagi urusan perdagangan import dan eksport

barangan. Dengan adanya rundingan ini sedikit sebanyak akan mengurangkan kebergantungan kepada mata wang USD yang semakin hari semakin merundum.

Seterusnya, Bank Negara Malaysia berfungsi sebagai mengekalkan kuasa beli ringgit dengan kadar inflasi yang rendah dan stabil. Bank juga bertanggungjawab untuk membawa kepada kestabilan sistem kewangan dan menggalakkan sektor kewangan yang sihat dan progresif. Terdapat sektor kewangan yang pelbagai, komprehensif dan tahan lama, yang mampu memenuhi keperluan yang semakin canggih konsumen dan perniagaan, dan yang telah menjadi penggerak pertumbuhan dalam ekonomi.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Dalam dekad yang lalu, nilai Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Amerika Syarikat (USD) telah mengalami ketidakstabilan yang ketara. Statistik Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa dari 2013 hingga 2023, nilai tukaran telah meningkat dari USD 1 bersamaan dengan tiga Ringgit Malaysia kepada teknik lima Ringgit Malaysia. Peningkatan ini menunjukkan penurunan nilai mata wang negara yang berpotensi membawa kepada peningkatan harga barangan perdagangan dan ketidakstabilan ekonomi.

Masalah ini menjadi lebih kritikal selepas fasa COVID-19, di mana banyak penyelidik mula mengkaji impak teknik n terhadap nilai tukaran mata wang. Melalui kajian ini, punca utama yang menyebabkan ketidakstabilan nilai mata wang negara perlu dikenal pasti dan dianalisis. Di samping itu, penting untuk memahami bagaimana data sejarah dan masa nyata boleh digunakan untuk menjangkakan nilai mata wang pada masa hadapan dengan menggunakan teknik pembelajaran mesin yang berkesan.

Data dari Bank Negara Malaysia digunakan dalam kajian ini kerana ia merupakan sumber data yang rasmi, boleh dipercayai, dan menyeluruh mengenai teknik n kewangan dan ekonomi negara. Data yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia adalah terkini dan merangkumi pelbagai aspek ekonomi seperti kadar faedah, inflasi, dan pertumbuhan Produk Domestik Kasar (PDK), yang sangat penting

untuk model ramalan mata wang yang tepat. Selain itu, menggunakan data dari sumber rasmi ini memastikan kebolehpercayaan dan ketepatan hasil kajian, yang merupakan teknik kritikal dalam penyelidikan kewangan.

Dengan menggunakan teknik pembelajaran mesin, seperti Regresi Linear (LR), Regresi Vektor Sokongan (SVR), Regresi Penggalakan Kecerunan (GBR), Hutan Rawak (RF), dan XGBoost Regressor, kajian ini bertujuan untuk membangunkan model ramalan kadar tukaran mata wang yang berkesan. Model ini akan melalui proses pra-pemprosesan data yang teliti untuk memastikan kebersihan dan kesesuaian data bagi analisis. Evaluasi model akan dilakukan menggunakan metrik prestasi seperti Mean Squared Error (MSE), Root Mean Squared Error (RMSE), dan R-squared (R^2) untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan model. Hasil kajian akan disokong dengan visualisasi data untuk memudahkan pemahaman dan penyampaian hasil kepada pihak berkepentingan.

Kajian ini juga menghadapi beberapa kekangan seperti ketersediaan data yang mencukupi, teknik di pasaran mata wang, dan keupayaan teknik yang terhad. Walaupun begitu, kajian ini memberikan sumbangan penting dalam bidang ramalan kadar pertukaran mata wang dan menunjukkan potensi besar penggunaan pembelajaran mesin dalam kewangan. Dengan melaksanakan teknik untuk kajian masa depan, model ramalan yang lebih tepat, kukuh, dan berguna dapat dihasilkan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara khususnya dilaksanakan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengetahui algoritma terbaik untuk ramalan mata wang
2. Membangunkan model ramalan mata wang berkesan.
3. Membangunkan aplikasi untuk ramalan mata wang.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif di atas, berikut adalah persoalan kajian:

1. Algoritma pembelajaran mesin manakah yang menunjukkan ketepatan dan kebolehpercayaan tertinggi dalam ramalan nilai tukar mata wang?
2. Apakah teknik pra-pemprosesan data yang sesuai untuk memastikan kebersihan dan kesesuaian data bagi analisis?
3. Bagaimanakah aplikasi ramalan mata wang dapat direka bentuk untuk memberikan ramalan yang tepat dan mudah difahami?

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada data yang diperoleh dari laman web rasmi Bank Negara Malaysia dan laman web Yahoo Finance. Pelaksanaan projek ini menggunakan Python sebagai teknik pengaturcaraan. Setiap hasil analisis dan teknik kajian akan dinilai untuk memilih model ramalan terbaik bagi kajian ini. Skop kajian juga termasuk menjangkakan nilai Ringgit Malaysia berbanding USD atau EUR untuk tempoh sehingga 6 bulan akan datang.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini menyediakan wawasan yang lebih mendalam terhadap teknik ekonomi yang mempengaruhi nilai tukaran mata wang dengan menggunakan teknik pembelajaran mesin yang dapat menganalisis pelbagai teknik ekonomi secara lebih tepat. Dengan meningkatkan ketepatan ramalan kadar tukaran mata wang, model yang dibangunkan dalam kajian ini dapat membantu teknik dan institusi kewangan dalam membuat teknik yang lebih baik berkaitan dengan dasar teknik dan teknik. Aplikasi web yang dihasilkan menyediakan ramalan kadar tukaran masa nyata serta nasihat beli/jual yang berguna bagi pelabur dan pengurus kewangan untuk mengurangkan risiko dan memaksimumkan keuntungan melalui strategi pelaburan yang lebih baik.

Kajian ini juga memperkayakan penyelidikan dalam bidang sains data dengan mengaplikasikan dan mengevaluasi pelbagai algoritma pembelajaran mesin dalam konteks ramalan kadar tukaran mata wang, yang boleh dijadikan rujukan bagi penyelidik dan pengamal sains data. Selain itu, kajian ini menekankan kepentingan penggunaan data rasmi dan berkualiti tinggi dari Bank Negara Malaysia untuk memastikan kebolehpercayaan dan ketepatan hasil analisis. Aplikasi yang dibangunkan juga menyediakan alat visualisasi data yang membantu pengguna memahami hasil ramalan dengan lebih mudah, memudahkan penyampaian maklumat secara efektif dan efisien. Dengan adanya ramalan yang lebih tepat dan alat visualisasi yang interaktif, pembuat dasar dan pelabur dapat membuat keputusan yang lebih baik berdasarkan data yang dianalisis, sejajar dengan matlamat sains data untuk mengubah data menjadi wawasan yang boleh diambil keputusan.

1.8 ORGANISASI TESIS

Tesis ini mengandungi lima (5) bab secara keseluruhan yang merangkumi:

1. Bab 1: Bab ini membincangkan kajian yang ingin dilaksanakan iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian secara keseluruhan.
2. Bab 2: Bab ini merupakan aspek terpenting bagi sesuatu kajian yang akan dilaksanakan. Dalam bab ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut tentang sorotan tinjauan lepas dan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan konsep dan teknik ramalan terutamanya dalam masalah menentukan harga rumah.
3. Bab 3: Bab ini merupakan metodologi kajian yang membincangkan secara terperinci kaedah kajian yang dilaksanakan. Ia merangkumi fasa data yang merangkumi mengenal pasti ciri-ciri data, analisis struktur data serta pra-pemrosesan data. Reka bentuk kajian juga diterangkan dengan lanjut di dalam bab ini.

4. Bab 4: Bab ini mengupas hasil analisis eknik n n model pembelajaran mesin yang telah dibuat. Selain itu, ia turut membincangkan ketepatan atau kualiti eknik n n model yang diperoleh dari hasil eksperimen. Seterusnya perbandingan prestasi dari segi ketepatan model akan dibuat dan dinilai.
5. Bab 5: Bab ini akan membuat eknik n dan rumusan secara keseluruhan tentang kajian yang telah dilaksanakan. Ini termasuk sumbangan kajian dan eknik n peluasan serta penambahbaikan yang boleh dibuat pada masa akan eknik.

Pusat Sumber
FTSM

BAB II

KAJIAN KESUSASTERAAN

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini menerangkan mengenai hasil kajian kesusasteraan yang melibatkan kajian-kajian terdahulu. Kajian ini berkaitan dengan peramalan harga rumah di Malaysia. Beberapa model telah dibangunkan sebelum ini dikaji dan diteliti serta dikupas untuk menilai keberkesanan model ramalan yang telah dibuat. Perbandingan antara model juga dilihat sebagai salah satu kaedah untuk menilai ketepatan teknik model dari beberapa segi dan aspek. Model yang berasaskan pembelajaran mesin, regresi dan tradisional masing-masing menunjukkan keupayaan untuk membuat ramalan harga rumah bagi dalam jangkauan beberapa tahun yang akan datang. Kesesuaian model-model yang dibangunkan adalah berdasarkan data dan ciri-ciri sesebuah rumah. Bab ini mengandungi enam (6) bahagian iaitu:

1. Faktor yang mempengaruhi kadar mata wang
2. Teknik untuk meramal mata wang
3. Kajian lepas yang berkaitan ramalan mata wang
4. Pendekatan Pembelajaran Mesin
5. Metrik Prestasi
6. Kesimpulan.

2.2 FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KADAR MATA WANG

Kadar mata wang sentiasa akan berubah eknik setiap hari mengikut keadaan semasa. Terdapat banyak eknik yang mempengaruhi kadar mata wang berubah seperti keadaan ekonomi semasa negara atau keadaan ekonomi dunia. Yu Ma & Xinqian Du (2020) menjelaskan kadar pelaburan juga menjadi eknik yang menyebabkan kadar tukaran mata wang berubah dan tahap pendapatan sesebuah negara juga boleh menjadi eknik yang mempengaruhi kadar mata wang. Kadar mata wang dipengaruhi oleh pelbagai eknik ekonomi, politik, dan kewangan. Beberapa eknik utama termasuk:

1. **Kadar Faedah:** Kadar faedah yang ditetapkan oleh bank pusat sebuah negara boleh mempengaruhi aliran modal dan kekuatan mata wangnya. Kadar faedah yang lebih tinggi cenderung menarik pelabur, meningkatkan permintaan untuk mata wang tersebut, dan oleh itu, memperkuat nilainya.
2. **Kesihatan Ekonomi:** Prestasi ekonomi secara keseluruhan sebuah negara, termasuk pertumbuhan ekonomi, pengangguran, dan inflasi, boleh mempengaruhi nilai mata wangnya. Negara dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh cenderung menarik pelabur, yang boleh menyebabkan penguatan mata wang mereka.
3. **Ketidakstabilan Politik:** Ketidakstabilan politik atau konflik politik dalam sebuah negara boleh mengakibatkan ketidakpastian dan menurunkan kepercayaan pelabur, yang mungkin mempengaruhi nilai mata wangnya.
4. **Defisit Perdagangan:** Jika sebuah negara mengalami eknik perdagangan yang besar (lebih banyak mengimport berbanding mengeksport), mata wangnya mungkin mengalami tekanan penurunan nilai berbanding dengan negara yang memiliki kelebihan perdagangan.
5. **Intervensi Bank Pusat:** Tindakan langsung bank pusat untuk membeli atau menjual mata wangnya dalam pasaran antarabangsa boleh mempengaruhi kadar pertukaran. Ini biasa dilakukan untuk menstabilkan nilai mata wang atau merangsang pertumbuhan ekonomi.

6. **Faktor Geopolitik:** Konflik antara negara, perubahan dalam hubungan antarabangsa, atau kejadian geopolitik lainnya boleh memberi kesan kepada nilai mata wang.
7. **Spekulasi Pasaran:** Kepercayaan dan jangkaan pelabur mengenai prestasi ekonomi masa depan sebuah negara juga boleh mempengaruhi nilai mata wang melalui spekulasi pasaran.

2.3 TEKNIK MERAMAL MATA WANG

Terdapat beberapa kaedah dan teknik yang digunakan oleh pakar dan pengamal pasaran kewangan untuk membantu membuat ramalan tentang pergerakan mata wang. Di antara teknik-teknik tersebut adalah:

1. **Analisis Asas:** Analisis asas melibatkan kajian terperinci terhadap teknik-faktor ekonomi, politik, dan kewangan yang mempengaruhi nilai mata wang. Ini termasuk data ekonomi seperti pertumbuhan ekonomi, inflasi, pengangguran, teknik perdagangan, serta keadaan politik dan kewangan dalam dan luar negara (Mankiw, 2020).
2. **Analisis Teknikal:** Analisis teknikal menggunakan carta harga dan data perdagangan pasaran untuk mengenal pasti corak dan tren dalam pergerakan mata wang. Ini termasuk penggunaan petunjuk teknikal seperti purata bergerak, garisan sokongan dan rintangan, dan isyarat perdagangan lainnya (Murphy, 2018).
3. **Model Ekonomi:** Model ekonomi adalah pendekatan berdasarkan teori ekonomi yang digunakan untuk meramal pergerakan mata wang. Ini mungkin termasuk model ekonomi makro, model keseimbangan pembayaran, atau model nilai tukar (Krugman, Obstfeld & Melitz, 2018).
4. **Analisis Sentimen:** Analisis teknik n melibatkan memahami teknik n pelabur dan peserta pasaran terhadap mata wang tertentu. Ini boleh melibatkan mengkaji berita, ulasan analisis, atau data dari platform media sosial dan forum pasaran (Shiller, 2019).

5. **Penggunaan Algoritma dan Kecerdasan Buatan:** Semakin banyak penggunaan teknologi seperti algoritma perdagangan dan kecerdasan buatan (AI) dalam meramal pergerakan mata wang. Ini termasuk penggunaan rangkaian neural dalam model ramalan dan sistem perdagangan teknikal (Hull, 2018).
6. **Model Campuran:** Pendekatan yang sering digunakan adalah model campuran, yang menggabungkan analisis asas, teknikal, dan teknikal-faktor lain untuk memberikan ramalan yang lebih komprehensif (Murphy, 2018).

2.4 KAJIAN LEPAS

Kajian lepas merupakan asas penting dalam memahami pendekatan dan teknik yang telah digunakan dalam meramalkan nilai tukar mata wang dan harga saham. Dalam era kewangan digital yang semakin berkembang, penggunaan pembelajaran mesin dan pembelajaran mendalam telah menjadi alat utama dalam menghasilkan ramalan yang lebih tepat dan berwawasan. Kajian-kajian ini memberikan pandangan yang mendalam mengenai pelbagai metodologi, algoritma, dan hasil yang telah dicapai dalam konteks ramalan kewangan. Ini adalah teknik dalam bentuk jadual yang meringkaskan kajian lepas mengenai ramalan nilai tukar mata wang dan harga saham menggunakan pelbagai teknik pembelajaran mesin dan diterangkan lebih terperinci dibawah. Berikut adalah beberapa kajian lepas yang relevan dalam bidang ini:

Jadual 2.1 Ringkasan Kajian Lepas

Tajuk Kajian	Pengarang	Ringkasan Kajian
Ramalan Nilai Tukar Bitcoin Menggunakan Pembelajaran Mesin	Wiliani, N., Hesananda, R., Rahmawati, N. S., & Prianggara, E. H. (2020)	Kajian mengenai ramalan nilai tukar Bitcoin terhadap dolar AS menggunakan pembelajaran mesin. Data diperoleh dari API Binance.com. Algoritma yang digunakan termasuk regresi linear dan jaringan saraf buatan. Hasil menunjukkan jaringan saraf buatan menghasilkan ramalan yang lebih tepat daripada regresi linear.
Ramalan Nilai Tukar Menggunakan Pembelajaran Mesin dan Pembelajaran Mendalam Semasa Pandemik COVID-19	Abedin, M. Z., Moon, M. H., Hassan, M. K., & Hajek, P. (2021)	Kajian menggunakan pendekatan Bi-LSTM BR untuk meramalkan kadar pertukaran mata wang semasa dan sebelum pandemik COVID-19. Hasil menunjukkan pendekatan ini memberikan prestasi ramalan yang lebih baik berbanding model lain seperti pokok regresi dan regresi vektor sokongan.
Ramalan Kadar Pertukaran USD/PKR Menggunakan Pembelajaran Mesin	Naeem, S., Mashwani, W. K., Ali, A., Uddin, M. I., Mahmoud, M., Jamal, F., & Chesneau, C. (2020)	Menggunakan analisis sentimen dari data Twitter untuk meramalkan kadar pertukaran USD/PKR. Teknik NLP digunakan untuk prapemprosesan data. Lima pengklasifikasi digunakan: logistic sederhana, hutan rawak, bagging, Naïve Bayes, dan mesin vektor sokongan. Logistic sederhana menunjukkan prestasi terbaik dengan ketepatan 82.14%.

Ramalan Kadar Pertukaran Mata Wang Menggunakan Pembelajaran Mesin	Sekar, V. B., Yoloye, M., Vasudevan, N., & Dommeti, S. M. (2017)	Menggunakan model EMD-RNN dan ARIMA untuk meramalkan kadar pertukaran mata wang asing. Model hibrid EMD-RNN menunjukkan prestasi lebih baik berbanding model RNN dan ARIMA dalam jangka panjang.
Pemodelan dan Perdagangan Kadar Pertukaran EUR/USD Menggunakan Teknik Pembelajaran Mesin	Theofilatos, K., Likothanassis, S., & Karathanasopoulos, A. (2017)	Menggunakan lima teknik klasifikasi pembelajaran terarah untuk meramalkan pergerakan kadar pertukaran EUR/USD satu hari ke hadapan. Teknik SVM dan Hutan Rawak menunjukkan prestasi terbaik dari segi pulangan tahunan dan nisbah informasi.
Ramalan Kadar Pertukaran Mata Wang Menggunakan Teknik Pembelajaran Mesin	Mittal, V., & Goel, N. (2017)	Menyelidik keberkesanan pelbagai teknik pembelajaran mesin untuk meramalkan kadar pertukaran mata wang. Hutan Rawak dan Mesin Sokongan Vektor menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding kaedah tradisional seperti ARIMA.
Ramalan Harga Bitcoin Menggunakan Algoritma Pembelajaran Mendalam	Pintelas, P., Stavroyiannis, S., Pintelas, E., & Tsiliras, A. (2020)	Menggunakan pelbagai model pembelajaran mendalam seperti LSTM, CNN, dan BiLSTM untuk meramalkan harga Bitcoin. Model CNN-LSTM dan CNN-BiLSTM menunjukkan prestasi terbaik dalam ramalan harga dan arah pergerakan harga.
Ramalan Harga Saham Menggunakan Pembelajaran Mesin	Singh, S., Gutta, S., & Hadaegh, A. (2019)	Menggunakan teknik pembelajaran mesin seperti LSTM untuk meramalkan harga saham. Model LSTM menunjukkan prestasi baik dengan nilai RMSE yang lebih rendah berbanding model lain

Ramalan Harga Saham Google	Peng, L. (2022)	Menggunakan model regresi linear dan regresi hutan rawak untuk meramalkan harga saham Google. Regresi linear mempunyai ketepatan yang lebih baik berbanding hutan rawak
Menggunakan pembelajaran mesin		

Pusat Sumber
FTSM

2.4.1 Ulasan Terperinci Kajian Lepas

1. Ramalan Nilai Tukar Bitcoin Menggunakan Pembelajaran Mesin

Kajian mengenai ramalan nilai tukar Bitcoin terhadap dolar AS menggunakan pembelajaran mesin adalah bidang yang menarik dan semakin penting dalam era kewangan digital. Berikut adalah tinjauan literatur yang relevan berdasarkan artikel ini dan sumber lain yang berkaitan. Kepentingan ramalan nilai tukar matawang merupakan salah satu aspek ekonomi makro yang penting kerana ia mempengaruhi kestabilan dan aktiviti ekonomi sesebuah negara. Bitcoin adalah aset kripto pertama yang desentralisasi dan dikawal sepenuhnya oleh penggunaanya tanpa otoriti pusat atau perantara. Ia menggunakan rangkaian konsensus untuk membolehkan sistem pembayaran baru dan sepenuhnya digital. Perubahan tingkah laku Bitcoin terhadap dolar AS dipengaruhi oleh banyak faktor ekonomi asas seperti kadar inflasi dan bekalan wang.

Data untuk kajian ini diperoleh melalui API yang disediakan oleh Binance.com, yang mengandungi nilai tukar harian Bitcoin terhadap dolar AS, termasuk atribut seperti tarikh, nilai pembukaan, tertinggi, terendah, penutupan, dan volume. Pemodelan dilakukan dengan aplikasi RapidMiner, bermula dengan pengumpulan data latihan dan data ujian. Data latihan digunakan untuk melatih model ramalan, sementara data ujian digunakan untuk menguji ketepatan model yang dihasilkan. Algoritma yang digunakan ialah regresi linear dan jaringan saraf buatan. Hasil pengujian dengan Regresi Linear, menunjukkan hasil ramalan dengan harga minimum 31,683.539 dan maksimum 64,893.474, dengan purata ramalan harga 48,282.402. Manakala dengan saraf buatan menunjukkan hasil ramalan dengan harga minimum 31,509.256 dan maksimum 64,029.358, dengan purata ramalan harga 48,271.341. Dari segi perbandingan hasil kedua-dua algoritma menunjukkan hasil yang hampir serupa, saraf buatan menghasilkan ramalan yang sedikit lebih tepat berbanding dengan Regresi Linear. Neural Networks memerlukan lebih banyak masa dan eksperimen untuk menentukan bilangan input data, bilangan neuron, lapisan, dan tahap pembelajaran yang

optimum. Kajian ini menyimpulkan bahawa pembelajaran mesin, khususnya Neural Networks, lebih berkesan dalam membuat ramalan nilai tukar Bitcoin berbanding dengan Regresi Linear. Dengan prestasi maksimum dari operator Neural Networks, tahap ketepatan yang lebih tinggi dapat dicapai, menjadikannya alat yang berharga untuk ramalan kewangan dalam pasaran kripto yang sangat berubah-ubah.

2. Ramalan Nilai Tukar Menggunakan Pembelajaran Mesin dan Pembelajaran Mendalam Semasa Pandemik COVID-19

Ramalan nilai tukar menggunakan pembelajaran mesin dan pembelajaran mendalam merupakan bidang kajian yang semakin penting dalam konteks kewangan digital dan ekonomi global yang tidak menentu. Penyelidik telah melakukan pendekatan pembelajaran mendalam yang menggabungkan regresi *Bagging Ridge (BR)* dengan *Bi-directional Long Short-Term Memory (Bi-LSTM)* untuk meramalkan kadar pertukaran mata wang semasa dan sebelum pandemik COVID-19. Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan Bi-LSTM BR memberikan prestasi ramalan yang lebih baik berbanding model pembelajaran mesin dan pembelajaran mendalam yang lain, seperti pokok regresi, regresi vektor sokongan, dan regresi hutan rawak serta algoritma LSTM dan Bi-LSTM.

Kajian menunjukkan bahawa kaedah gabungan seperti yang digabungkan dalam Bi-LSTM BR dapat mengurangkan varians dan memberikan prestasi yang lebih kukuh dalam ramalan pasaran kewangan yang kompleks dan berubah-ubah. Beberapa kajian juga menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 mempunyai kesan signifikan terhadap volatiliti pasaran pertukaran asing. Sebagai contoh, Hofmann et al. (2020) menunjukkan bahawa hutang melalui bon mata wang tempatan tidak melindungi ekonomi pasaran baru muncul dari kejutan kewangan yang dicetuskan oleh COVID-19. Kajian ini menekankan pentingnya model ramalan yang kuat semasa tempoh volatiliti tinggi seperti pandemik COVID-19 untuk membantu pelabur dan pengawal selia memahami dan mengurus risiko mata wang dengan lebih baik.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan ensemble Bi-LSTM BR memberikan prestasi yang lebih baik dalam meramalkan kadar pertukaran berbanding dengan model lain. Keputusan ini penting untuk pedagang pertukaran asing dan pihak berkepentingan lain kerana menawarkan peluang untuk keuntungan perdagangan yang berpotensi dan mengurangkan risiko mata wang semasa pandemik. Ujian Diebold-Mariano (DM) menunjukkan bahawa pendekatan Bi-LSTM BR lebih efektif dalam fungsi kehilangan RMSE berbanding dengan algoritma benchmark dalam kajian ini untuk mata wang utama seperti AUD, CNY, GBP, dan JPY. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan pembelajaran mendalam ensemble Bi-LSTM dan BR memberikan prestasi ramalan yang lebih baik dalam meramalkan kadar pertukaran mata wang semasa tempoh bukan COVID-19 dan COVID-19. Model ini menawarkan potensi untuk meningkatkan keuntungan perdagangan dan mengurangkan risiko mata wang semasa tempoh volatiliti pasaran yang tinggi, seperti yang dialami semasa pandemik COVID-19.

3. Ramalan Kadar Pertukaran USD/PKR Menggunakan Pembelajaran Mesin

Ramalan kadar pertukaran adalah penting dalam pasaran kewangan global, dan penggunaan pembelajaran mesin untuk meramalkan kadar pertukaran USD/PKR menjadi tumpuan kajian ini. Kajian ini menggunakan analisis sentimen dari data Twitter untuk meramalkan kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dan Rupee Pakistan (PKR). Data dikumpulkan dari laman web forex dan Twitter, di mana data Twitter terdiri daripada ciapan masyarakat perniagaan di Pakistan yang mengandungi perkataan berkaitan kewangan.

Data yang dikumpulkan dalam format mentah diprapemproses menggunakan teknik pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) seperti pembuangan simbol tidak teratur, penerimaan hanya ciapan dalam bahasa Inggeris, pengekstrakan, lemmatisasi, dan pembuangan perkataan berhenti. Dataset dilabel menggunakan *Natural Language Toolkit* (NLTK) dari perpustakaan Python yang memberikan skor sentimen numerik kepada data.

Nilai “1” diberikan kepada ciapan yang menunjukkan peningkatan kadar pertukaran, “-1” untuk penurunan, dan “0” untuk ciapan neutral. Data divisualisasikan menggunakan analisis diskriminan linear (LDA) dan analisis komponen utama (PCA) untuk memahami dan mewakili data secara lebih baik. Visualisasi ini membantu dalam menentukan kebolehpercayaan dataset. Lima pengklasifikasi pembelajaran mesin digunakan untuk membina model klasifikasi: logistic sederhana (SL), hutan rawak (RF), bagging (B), Naïve Bayes (NB), dan mesin vektor sokongan (SVM). Pengklasifikasi logistic sederhana menunjukkan prestasi terbaik dengan ketepatan 82.14% dalam ramalan kadar pertukaran USD/PKR.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa pengklasifikasi logistic sederhana (SL) memberikan hasil klasifikasi terbaik di antara lima pengklasifikasi pembelajaran mesin yang digunakan. Berikut adalah keputusan prestasi untuk kelima-lima pengklasifikasi:

Jadual 2.2 Keputusan Kajian USD/PKR

Algoritma	Ketepatan (%)	Kappa Statistik	Ralat Mutlak Min (MAE)	Ralat Kuasa Dua Min Punca (RMSE)
Logistic Sederhana (SL)	82.14	0.6875	0.0762	0.2157
Hutan Rawak (RF)	81.42	0.6579	0.0787	0.2536
Bagging (B)	77.85	0.6265	0.0738	0.2717
Naïve Bayes (NB)	76.42	0.6048	0.0852	0.2646
Mesin Vektor Sokongan (SVM)	74.28	0.5789	0.0898	0.2637

Kajian ini mencadangkan kaedah untuk meramalkan kadar pertukaran USD/PKR menggunakan analisis sentimen yang digabungkan dengan kaedah pembelajaran mesin. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengklasifikasi

logistic sederhana memberikan prestasi terbaik dengan ketepatan tertinggi. Kaedah yang dicadangkan dan hasilnya boleh digunakan oleh masyarakat perniagaan di Pakistan untuk melabur di pasaran tempatan dan meramalkan kadar pertukaran untuk masa depan. Kajian literatur ini menyediakan gambaran menyeluruh mengenai penggunaan pembelajaran mesin dan analisis sentimen dalam ramalan kadar pertukaran USD/PKR, menekankan metodologi yang digunakan, hasil, dan implikasi praktikal dalam konteks pasaran kewangan global.

4. Ramalan Kadar Pertukaran Mata Wang Menggunakan Pembelajaran Mesin

Penulis menyelesaikan kajian ini sebagai sebahagian daripada subjek "Pattern Recognition and Data Mining" pada bulan Jun 2017. Ramalan kadar pertukaran mata wang asing adalah satu aspek penting dalam pasaran kewangan global. Projek ini bertujuan untuk membangunkan model yang tepat untuk meramalkan kadar pertukaran mata wang asing dengan menggunakan model EMD-RNN dan ARIMA serta membandingkan prestasi kedua-dua model tersebut.

Kajian ini menggunakan pendekatan Hibrid. Dengan menggunakan model hibrid EMD-RNN dan membandingkannya dengan model ARIMA untuk menunjukkan model mana yang lebih baik dalam ramalan kadar pertukaran mata wang asing. Ini kerana model RNN dapat menangani masalah kompleks dengan lebih baik manakala model ARIMA diketahui lebih cekap dalam ramalan siri masa jangka pendek. Hipotesis awal kajian ini adalah bahawa model EMD-RNN akan lebih tepat dalam meramalkan kadar pertukaran berbanding model ARIMA. Kami menjangkakan model RNN akan mempunyai kadar ralat yang lebih rendah berbanding model ARIMA. Data dikumpulkan dari laman web Quandl yang menyediakan kadar pertukaran sejarah untuk pelbagai mata wang. Data input akan dimasukkan ke dalam penapis EMD untuk prapemprosesan sebelum dimasukkan ke dalam model RNN. Model ARIMA juga akan digunakan pada data yang sama. Keputusan kedua-dua model akan diplotkan dan dibandingkan dengan nilai sebenar. Ralat

bagi setiap model akan diukur menggunakan RMSE (Ralat Kuasa Dua Min Punca).

Analisis menunjukkan bahawa model hibrid EMD-RNN memberikan prestasi yang lebih baik berbanding model RNN dan ARIMA dalam jangka panjang. Keputusan ini selari dengan hipotesis kami bahawa model EMD-RNN akan lebih tepat dalam meramalkan kadar pertukaran mata wang asing. Keputusan menunjukkan bahawa model EMD-RNN lebih baik daripada model RNN dan ARIMA dalam ramalan jangka panjang. Walau bagaimanapun, model ARIMA menunjukkan prestasi yang baik untuk dataset yang lebih kecil dan ramalan jangka pendek. Kajian ini menyokong hipotesis bahawa model EMD-RNN adalah yang terbaik di antara model yang dipilih untuk ramalan jangka panjang. Cadangan masa depan termasuk melatih model RNN untuk ramalan jangka pendek dan set data kecil, serta menerapkan model EMD-RNN untuk ramalan dengan set data yang lebih besar. Kajian literatur ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai penggunaan pembelajaran mesin untuk ramalan kadar pertukaran asing, menekankan metodologi, hasil, dan kepentingan dalam konteks pasaran kewangan global.

5. Pemodelan dan Perdagangan Kadar Pertukaran EUR/USD Menggunakan Teknik Pembelajaran Mesin

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik prestasi teknik pembelajaran mesin terkini dalam perdagangan kadar pertukaran EUR/USD menggunakan data penetapan ECB. Lima teknik klasifikasi pembelajaran terarah (K-Nearest Neighbors, Pengklasifikasi Naïve Bayesian, Rangkaian Neural Tiruan, Mesin Vektor Sokongan, dan Hutan Rawak) telah digunakan untuk meramalkan pergerakan kadar pertukaran EUR/USD satu hari ke hadapan dengan hanya menggunakan terma autoregressive sebagai input. Kajian ini juga membandingkan prestasi teknik pembelajaran mesin dengan dua teknik tradisional (strategi Naïve dan model MACD).

Data kadar pertukaran harian EUR/USD yang digunakan dalam kajian ini diperoleh dari Thomson Reuters Datastream dan dibahagikan kepada dataset latihan, pengesahan, dan pengujian. Mengklasifikasikan objek

berdasarkan contoh latihan terdekat dalam ruang ciri. Dalam kajian ini, $K=8$ adalah nilai K optimum yang ditemui. Keputusan kajian menunjukkan bahawa teknik SVM dan Hutan Rawak mengatasi semua model lain dari segi pulangan tahunan dan nisbah informasi walaupun selepas mengambil kira kos transaksi. Hutan Rawak menunjukkan prestasi terbaik dengan pulangan tahunan tertinggi dan ramalan arah pergerakan yang paling tepat. Hutan Rawak menunjukkan prestasi perdagangan terbaik dari segi pulangan tahunan dan nisbah informasi, walaupun selepas kos transaksi diambil kira. SVM dan Hutan Rawak jelas mengatasi strategi perdagangan tradisional yang masih digunakan oleh ahli ekonomi.

Kajian ini menunjukkan bahawa teknik pembelajaran mesin seperti SVM dan Hutan Rawak menawarkan prestasi yang unggul dalam perdagangan kadar pertukaran EUR/USD berbanding dengan teknik tradisional. Hasil kajian ini mendorong penyelidikan masa depan dalam menerapkan teknik pembelajaran mesin dalam perdagangan siri masa kewangan lain untuk menilai prestasi mereka dan menetapkan mereka sebagai alat perdagangan kuantitatif yang boleh dipercayai.

6. Ramalan Kadar Pertukaran Mata Wang Menggunakan Teknik Pembelajaran Mesin

